

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

3,000 sertai peraduan anjuran Kelab TaHa, NST
01 Jan 2010
Berita Harian
Hip
N/A
Daily
192,917 / 1,521,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue
Malay
L-28
226 cm²
Full Color
4,794
14,382



3,000 sertai peraduan anjuran Kelab TaHa, NST

Rusnita Pechok

KIRA-KIRA 3,000 pelajar seluruh negara menyertai peraduan *My English Vocabulary Book* anjuran Kelab TaHa dengan kerjasama akhbar The New Straits Times (NST) selama empat bulan, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamaruddin Mat Ali, berkata menerima peraduan bermula Julai lalu itu, peserta mengumpul perkataan diambil daripada akhbar NST bagi meningkatkan perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris.

Katanya, pengadil dibuat berdasarkan kandungan perbendaharaan kata, kekemasan dan kreativiti persembahan peserta.

Beliau berpuas hati kerana peraduan itu bukan saja mendapat sambutan menggalakkan, malah kreativiti dan kefahaman peserta menepati matlamat penganjurannya.

"Ada peserta yang menyusun perkataan begitu kemas mengikut abjad dengan maksud dan penerangan dalam bentuk gambar bagi menjelaskan setiap perbendaharaan kata dipilih.

"Peraduan ini aktiviti tahunan Kelab TaHa yang bermula dengan peraduan menulis karya tahun lalu. Kita

merancang mengadakan Kem Bahasa Inggeris sebagai kesinambungan peraduan ini," katanya selepas pemilihan pemenang peraduan itu di di Menara Tabung Haji, baru-baru ini.

Hadir sama Pengurus Kanan Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Noor Azmima Ismail; Pengurus Pengedaran Pengurusan Produk, New Straits Times Press (NSTP), Salmah Hanim Hares; Ketua Operasi Jualan NSTP cawangan Klang, Mahmood Mat Ali dan Eksekutif Jualan Korporat NSTP, Norha Mat Sidi.

Peraduan dibahagikan

kategori sekolah rendah dan menengah dengan pemenang pertama menerima RM500, kedua RM350, ketiga RM250, manakala sepuluh sagu hati RM100 setiap satu.

Pemenang kategori sekolah rendah ialah Muhammad Amirul Izmi Muhammad Radhi dari Sekolah Kebangsaan (SK) Datuk Haji Baginda, Melaka; kedua (Farah Wahidah Ahmad juga, SK Datuk Haji Baginda) dan ketiga (Fatin Syahida Ramlan SK Setiawangsa, Kuala Lumpur).

Bagi sekolah menengah pula pemenang pertama ialah pelajar Sekolah Agama Menengah (SAM) Rawang, Selangor, Nadwa Farhana

Ganden Lubis; kedua (Nurliyana Ismail, SMK Bukit Changgang, Banting, Selangor) dan ketiga (Nur Emalina Akhma Mohamad Shafree, SMK Seksyen 1, Bandar Kinrara, Kuala Lumpur).

Selain itu, 10 sekolah menghantar penyertaan terbanyak, masing-masing menerima RM1,000.

Sekolah terbabit ialah SK Setiawangsa; SK Kampung Bahru; SK Gombak; SK Datuk Haji Baginda dan SK Dusun Tua, SAM Rawang, SMK Taman Medan, SAM Paya Jaras, SMK Seksyen 1, Bandar Kinrara dan SMK Bandar Rinching.



Peraduan ini aktiviti tahunan Kelab TaHa yang bermula dengan peraduan menulis karya tahun lalu. Kita merancang mengadakan Kem Bahasa Inggeris sebagai kesinambungan peraduan ini "

**Kamaruddin
Mat Ali**

Ketua Pegawai Operasi,
Tabung Haji



KAMARUDDIN (tengah) bersama dari kiri; Mahmood, Noor Azmima, Salmah Hanim dan Norha memilih pemenang *My English Vocabulary Book*, baru-baru ini.